

**TEKS UCAPAN
YH. PROF. DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROJEK SEMAIAN KASIH UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI KUALA BOH,
CAMERON HIGHLANDS PADA HARI AHAD, 19 OKTOBER 2008 PUKUL
11.00 PAGI**

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berusaha Batin Nordin bin Abu Bakar,
Ketua Masyarakat Orang Asli Kuala Boh;

Yang Berusaha En. Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd. Zain,
Penasihat Projek Semaian Kasih;

Yang Berusaha Cik Hamimah binti Abdul Latif,
Penyelia Jabatan Kemajuan Masyarakat Cameron Highlands;

Saudara Abang Fairul Syarmil bin Abang Mohd,
Presiden Kelab In-Smartive UMP;

Saudara Muhammad Affiq Saufi bin Nordin,
Pengarah Projek Semaian Kasih UMP;

Wakil-wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Pejabat
Pelajaran Daerah Cameron Highlands serta wakil Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Menson, Cameron Highlands;

Para staf dan pelajar UMP, para urus setia dan warga
Perkampungan Orang Asli Kuala Boh;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan perlindungannya, maka saya telah dapat menjejakkan kaki ke Perkampungan Orang Asli Kuala Boh, Cameron Highlands pada pagi ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kelab In-Smartive UMP yang diterajui oleh Saudara Abang Fairul Syarmil dan Pengarah Projek Semaian Kasih UMP, Saudara Muhammad Affiq Saufi kerana telah menjemput saya untuk menyempurnakan penutupan Projek Semaian Kasih pada hari ini.
3. Sesungguhnya pertemuan singkat saya dengan warga Perkampungan Orang Asli Kuala Boh dalam majlis ini memberikan saya peluang untuk saya mengenali masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat. Apatah lagi, sejak pelantikan saya sebagai Naib Canselor UMP pada 16 Mei 2008 yang lalu, inilah kali pertama saya dapat bermusafir sejauh ini untuk

menghadiri projek khidmat masyarakat anjuran pelajar Universiti ini.

MEMASYARAKATKAN UNIVERSITI DENGAN KOMUNITI

4. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pelaksanaan Projek Semaian Kasih yang dianjurkan oleh Kelab In-Smartive UMP merupakan satu usaha murni dalam konteks memasyarakatkan Universiti Malaysia Pahang dan wajar mendapat pujian. Saya difahamkan, inilah julung-julung kalinya dalam sejarah UMP, projek khidmat komuniti dijalankan bersama masyarakat Orang Asli. Justeru, permukiman para pelajar dan staf UMP di sini sejak dua hari lepas adalah suatu titik tolak kepada banyak lagi pelaksanaan projek khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli pada masa akan datang.

5. Program ini sebenarnya tercetus hasil kejayaan seorang anak tempatan di sini iaitu Saudari Maslinda daripada Pos Telanok, Cameron Highlands yang merupakan Orang Asli pertama yang mendaftar sebagai pelajar UMP. Saudari Maslinda yang kini mengikuti pengajian Sarjana Muda Pengurusan Projek di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi UMP adalah satu contoh terbaik yang boleh memotivasikan anak-anak tempatan bahawa Orang Asli juga boleh cemerlang dalam pelajaran jika ada semangat, ketekunan dan daya usaha. Saya percaya, kisah kejayaan Saudari Maslinda yang datang dari sebuah perkampungan yang jauh terpencil di pedalaman merupakan sesuatu yang amat membanggakan kita semua.

6. Sebagai negeri terbesar di Semenanjung Malaysia, Pahang Darul Makmur yang luas terbentang dari Banjaran Titiwangsa hingga ke persisiran Laut China Selatan amat kaya dengan khazanah hasil bumi, kepelbagaian flora dan fauna, keindahan alam semulajadi dan keunikan masyarakatnya daripada pelbagai latar belakang. Projek-projek khidmat komuniti yang dijalankan Universiti ini setakat ini telah meliputi masyarakat

nelayan di persisiran pantai, peneroka di tanah rancangan FELDA serta kampung Melayu tradisional di semua 11 daerah di negeri ini.

7. Peluang untuk bersama-sama tinggal bersama masyarakat Orang Asli di Kuala Boh, walaupun dalam tempoh yang singkat, Insya-Allah berjaya memberikan pendedahan kepada para pelajar UMP yang menyertai projek ini. Saya percaya, pengalaman bersama masyarakat Orang Asli di Kuala Boh sepanjang dua hari yang lepas memberikan pendedahan yang amat berharga kepada para pelajar yang menjadi peserta dan staf yang menjadi urus setia projek ini. Kita belajar untuk memahami perbezaan cara hidup antara dua budaya dan pada masa yang sama titik persamaan dicari di sebalik perbezaan ini untuk mengeratkan lagi kerjasama dan silaturrahim.

MENEROKA PENGALAMAN BERMASYARAKAT

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pengalaman yang telah ditimba oleh para pelajar yang menyertai projek ini merupakan suatu pendedahan yang amat besar pengertiannya bagi membentuk mereka sebagai orang yang dewasa dan matang dalam pemikiran, penampilan dan peribadi. Dalam dunia yang penuh persaingan pada hari ini, nilai kebendaan seringkali mengatasi nilai kemanusiaan dan kasih sayang sesama insan. Pelajar-pelajar yang kini menuntut di Universiti akan juga bermasyarakat apabila tamat pengajian kelak. Bagaimanakah mungkin mereka berupaya menjadi ejen perubahan dan peneraju masyarakat dan negara jika mereka janggal dan kekok untuk bergaul dan masyarakat?

9. Justeru, pengalaman bersama warga Orang Asli Kuala Boh merupakan suatu medan latihan kepada para pelajar ini untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan masyarakat. Saya percaya, mereka juga akan dapat menghargai hakikat bahawa sebenarnya, nilai kemesraan dan

kasih sayang sesama insan mengatasi nilai wang ringgit dan mata benda. Keinsafan dan kesedaran yang lahir daripada realiti yang dilihat, dipelajari dan dialami sendiri sepanjang program ini mampu membentuk jiwa luhur dan akal budi para pelajar untuk mengikis sifat elitis dengan langit pemikiran yang lebih terbuka.

UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

10. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Universiti Malaysia Pahang ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu para pelajar daripada Kelab In-Smartive UMP untuk menjayakan Projek Semaian Kasih kali ini. Insya-Allah, berkat sokongan dan kerjasama semua pihak, saya difahamkan bahawa Projek Semaian Kasih akan menjadi agenda berterusan khidmat komuniti Kelab In-Smartive UMP bersama masyarakat Orang

Asli bukan sahaja di daerah Cameron Highlands, malah di semua 11 daerah di negeri ini.

11. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Daerah Cameron Highlands, Jabatan Kemajuan Masyarakat Daerah Cameron Highlands, Pejabat Pelajaran Daerah Cameron Highlands, Sekolah Kebangsaan Menson, Rumah Rehat Sri Pahang dan Batin Nordin bin Abu Bakar di atas bantuan dan bimbingan yang telah diberikan kepada para pelajar UMP sehingga terlaksananya Projek Semaian Kasih pada kali ini.

PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

12. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menutup Projek Semaian Kasih Universiti Malaysia Pahang di Perkampungan Orang Asli Kuala Boh dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.